

02 OGOS 2021 (ISNIN)

Jambatan Kampung Seberang Guai siap September depan

Pembinaan jambatan yang dapat memanfaatkan kira-kira 2,000 penduduk sekitar kawasan itu sudah 98 peratus siap setakat ini

BERA

Jambatan Kampung Seberang Guai di sini dijangka siap sepenuhnya dan dibuka untuk kegunaan orang ramai pada hujung September depan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, pembinaan jambatan yang dapat memanfaatkan kira-kira 2,000 penduduk sekitar kawasan itu sudah 98 peratus siap setakat ini.

“Saya difahamkan kerja-kerja tambahan seperti membuat tembok penahan bernilai



FOTO: BERNAMA

Ismail Sabri (depan, kanan) meninjau pembinaan Projek Jambatan Guai pada Ahad.

RM2 juta akan dilaksanakan juga supaya struktur jambatan tidak terganggu akibat hakisan air terutama sewaktu musim tengkujuh.

“Selain itu saya berpuas hati dengan kerja-kerja pembinaan jambatan berkenaan, cuma ada kelewatan untuk siap itu pun disebabkan ketidaaan bahan mentah berikutnya Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini,” katanya ketika ditemui di Pusat Komuniti Kampung Mengkarak

di sini pada Ahad selepas meninjau pembinaan jambatan tersebut.

Pembinaan jambatan sepanjang 770 meter yang mula dibina pada 2017 dengan anggaran kos sebanyak RM98.5 juta itu bakal memendekkan tempoh jarak perjalanan penduduk kampung itu ke pusat bandar Bera daripada satu jam 20 minit kepada hanya kira-kira setengah jam.

Dalam lawatan kerjanya itu, Ismail Sabri yang juga Menteri

Pertahanan turut menyampaikan al-Quran dan baul makanan kepada wakil penduduk dan pengurus masjid sekitar Bera.

Sementara itu, Tok Ampat Kampung Mengkarak di sini, Rosli Mohd Yunan, 68, berkata, bantuan baul makanan ini diutamakan kepada penduduk yang dikategori sebagai miskin tegar.

“Seramai 60 orang penduduk kampung ini akan menerima bantuan dengan kami dahulukan golongan miskin tegar yang kehilangan punca pendapatan.

“Kemudian kami akan sampaikan kepada orang kurang upaya (OKU) dan golongan B40, apa pun saya mewakili penduduk berterima kasih dengan bantuan makanan ini,” katanya.

Pada program itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera turut meluangkan masa di Masjid Darul Fikri selain menyampaikan bantuan set pengurusan jenazah kepada masjid berkenaan. - Bernama